

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

FPC 215 Kimia Organik

Masa: (3 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan dan 14 muka surat yang bertaip.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.


...2/-

1. (A) (i) Gambarkan isomer geometrik bagi trans-3,7-dimetil-2,6-oktadienal.


(ii) Susunkan kumpulan-kumpulan berikut mengikut turutan keutamaan berdasarkan Peraturan Cahn-Ingold-Prelog.



(iii) Apakah perkaitan di antara sepasang stereoisomer berikut:



(iv) Tukarkan formula baji berikut kepada Projeksi Fischernya



... 3 / -

(v) Gambarkan Projeksi Fischer bagi setiap formula berikut:

- (a) (3S, 4R, 5S)-5-kloro-3,4-heksanadiol
- (b) eritro-2,3-pentanadiol
- (c) treo-2,4-dibromoheksana

(14 markah)

(B) Bagi molekul 1,3-dimetilsikloheksana, tunjukkan isomer-isomer geometriknya. Jelaskan perbezaan kestabilan di antara isomer-isomer geometrik tersebut.

(6 markah)

2. Dengan menggunakan contoh yang sesuai, jelaskan pernyataan-pernyataan berikut berserta mekanismenya (kecuali a).

- (a) Karbon pseudokiral
- (b) Tindak balas  $S_Ni$
- (c) Tindak balas E2 halosikloheksana
- (d) Tindak balas Cannizzaro
- (e) Tindak balas Wittig

(20 markah)

3. (A) Malonik ester  $\text{EtO}_2\text{C}-\text{CH}_2-\text{CO}_2\text{Et}$ , bertindak balas dengan etil-2-butenoat dalam kehadiran  $\text{C}_2\text{H}_5\text{ONa}$  menghasilkan sebatian M berformula molekul  $\text{C}_{13}\text{H}_{22}\text{O}_6$ . Sebatian M apabila dihidrolisiskan dalam keadaan asid disertai dengan pemanasan menghasilkan asid 3-metil-pantanadioik. Tunjukkan formula struktur M dan tindak-tindak balas terlibat serta mekanismenya.

(7 markah)

(B) Cadangkan bagaimana anda menyediakan sebatian-sebatian berikut bermula dari sebatian yang diberikan dan bahan-bahan organik atau tak organik lain yang bersesuaian.


(a) 2-benzilsikloheksanon dari sikloheksanon.

(b) 2,2-dimetil-4-pentenal dari 2-metilpropanal.


(7 markah)

(C) Kirakan  $\lambda_{\text{maks}}$  bagi sebatian-sebatian berikut:


(a)



(b)





(c)



(6 markah)

4. (A) Anda diberikan spektra inframerah dan resonans magnet nukleus (nmr) bagi suatu sebatian yang berformula molekul  $C_3H_6O$ .

Berdasarkan maklumat daripada kedua-dua spektra ir dan nmr, jelaskan bagaimana anda menentukan struktur sebatian  $C_3H_6O$ .



(5 markah)

150

- (B) Sebatian Y berformula molekul  $C_{10}H_{14}O$  adalah bersifat aktif optik. Di dalam spektrum inframerah di antaranya ada menunjukkan jalur-jalur penyerapan pada  $3300\text{ cm}^{-1}$  (kuat),  $3050\text{ cm}^{-1}$  (lemah),  $2940\text{ cm}^{-1}$  (sederhana),  $1600-1420\text{ cm}^{-1}$  (beberapa jalur sederhana) dan  $800\text{ cm}^{-1}$  (kuat).

Sebatian Y dengan asid kromik memberikan sebatian Z ( $C_{10}H_{12}O$ ) yang positif terhadap ujian iodoform dan menunjukkan jalur kuat pada  $1695\text{ cm}^{-1}$ . Spektrum nmr sebatian Y menunjukkan dublet pada  $\delta 7.2$  (2 hidrogen), dublet pada  $\delta 6.9$  (2 hidrogen) kuartet pada  $\delta 2.6$  (2 hidrogen), singlet  $\delta 2.0$  (3 hidrogen) dan triplet  $\delta 1.25$  (3 hidrogen).

Berdasarkan penerangan di atas:

- (i) Cadangkan formula struktur dan nama IUPAC sebatian Y dan Z. Jelaskan bagaimana anda menggunakan maklumat data spektrum ir dan nmr untuk menyokong struktur Y dan Z yang anda cadangkan.

(10 markah)

- (C) Seorang ahli kimia menyediakan 1,3,5-heksatriena dan 1,3,5,7-oktataetraena yang diletakkan di dalam kelalang berbeza tetapi terlupa untuk melabelkannya. Bagaimana beliau boleh mengenal-pasti kedua-dua sebatian tersebut dengan spektroskopi ultraungu.

(5 markah)

5. (A) Jelaskan pernyataan-pernyataan berikut:





(a) Piridina adalah bes yang lebih kuat daripada pirola.

(4 markah)

(b) Penukargantian elektrofilik pada pirola mudah berlaku pada kedudukan-2 daripada kedudukan-3.


(4 markah)

(B) Lengkapkan tindak balas berikut:




(6 markah)

- (C) Berdasarkan sebatian-sebatian yang diberikan, tunjukkan mekanisme sintesis Feist-Benary bagi menyediakan suatu terbitan furan.



(6 markah)





6. (A) Berikut adalah struktur suatu bahan anestetik, novokaina. Ramalkan kedudukan proton-proton ( $\delta$  ppm) di dalam spektrum n.m.rnya serta nyatakan multiplisitinya.



Novokaina

(10 markah)

(B) Cadangkan nilai-nilai m/e bagi hasil penyerpihan/ penyusunan semula McLafferty sebatian-sebatian berikut di dalam spektra jisimnya.



(10 markah)

Ciri-Ciri Frekuensi Peregangan Penyerapan Inframerah

<u>Ikatan</u>	<u>Jenis Sebatian</u>	<u>Julat Frekuensi, cm<sup>-1</sup></u>	<u>Keamatan</u>
-OH	alkohol, fenol (bebas)	3650-3590	berubah-ubah tajam
-OH	alkohol, fenol (ikatan-H)	3400-3200	kuat, lebar
-OH	asid (ikatan H)	3000-2500	berubah-ubah lebar
-NH <sub>2</sub>	amino primer atau amida	3500-3300 (dua puncak)	sederhana
-NH-	amino sekunder atau amida	3500-3300 (satu puncak)	sederhana
-C-H	alkana	2960-2850	kuat
-C-H	aldehid	2820-2720 (dua puncak)	lemah
=C-H	alkena dan arena	3100-3010	sederhana
≡C-H	alkuna	3300	kuat, tajam
-C≡C-	alkuna	2260-2100	berubah-ubah
-C≡N	nitril	2300-2000	kuat
C=O	ester	1750-1735 <sup>a</sup>	kuat
C=O	aldehid	1740-1720 <sup>a</sup>	kuat
C=O	keton	1725-1705 <sup>a</sup>	kuat
C=O	asid karboksilik (dimer)	1720-1700 <sup>a</sup>	kuat
C=O	amida	1700-1640 <sup>a</sup>	kuat
N-H	amida (pembengkokan)	1600-1500	kuat
C=C	alkena	1680-1620 <sup>a</sup>	berubah-ubah
C=C	arena	1600, 1580, 1500, 1450	kuat-sederhana
-NO <sub>2</sub>	sebatian nitro	1500-1600	kuat

<sup>a</sup>tak berkonjugasi. Konjugasi bagi satu ikatan multipel merendahkan frekuensi sebanyak 30 cm<sup>-1</sup>.

-C-O	alkohol, eter, ester dan asid	1300-1000	kuat
-C-X	halida	1000- 500	kuat
-C-H	alkana (pembengkokan)	1540-1300	kuat-sederhana
=C-H	alkena (pembengkokan)	1450-1300 1000- 800	sederhana kuat
=C-H	arena (pembengkokan)	1200-1000 700- 900	sederhana kuat

**Peraturan Fieser-Woodward Untuk Penyerapan Diena dan Triena**

---

Nilai yang diperuntukkan kepada diena heteroanular induk atau diena rantai terbuka 214 nm

Nilai yang diperuntukkan kepada diena homoanular induk 253 nm

**Penambahan untuk**

(a) tiap-tiap penukarganti alkil atau baki gelangan	5 nm
(b) tiap ikatan dubel eksosiklik	5 nm
(c) tiap tambahan ikatan dubel	30 nm
(d) auksokrom - OAsil	0 nm
- OAlkil	6 nm
- SAlkil	30 nm
- Cl, -Br	5 nm
- NAlkil <sub>2</sub>	60 nm

**JUMLAH**

$\lambda$  dikira

---

**Peraturan Fieser-Woodward Untuk Penyerapan Keton dan Aldehid,  
 $\alpha$ ,  $\beta$ -taktepu**

$\delta \gamma \beta \alpha$



-----  
 Nilai yang diperuntukkan kepada keton siklik enam-ahli,  $\alpha$ ,  $\beta$ -taktepu induk atau keton asiklik  $\alpha$ ,  $\beta$ -taktepu induk 215 nm

Nilai yang diperuntukkan kepada keton siklik lima-ahli  $\alpha$ ,  $\beta$ -taktepu induk 202 nm

Nilai yang diperuntukkan kepada aldehid  $\alpha$ ,  $\beta$ -taktepu induk 207 nm

**Penambahan untuk setiap:**

(a) ikatan dubel lanjutan daripada pengkonjugatan 30 nm

(b) kumpulan alkil atau baki gelang

$\alpha$	10 nm
$\beta$	12 nm
$\gamma$ dan yang lebih tinggi	18 nm

(c) auksokrom

(i) -OH	$\alpha$	35 nm
	$\beta$	30 nm
	$\delta$	50 nm

(ii) -OAc	$\alpha$ $\beta$ $\delta$	6 nm
-----------	---------------------------	------

(iii) -OMe	$\alpha$	35 nm
	$\beta$	30 nm
	$\gamma$	17 nm
	$\delta$	31 nm

(iv) SAlk	$\beta$	85 nm
-----------	---------	-------

(v) -Cl	$\alpha$	15 nm
	$\beta$	12 nm

(vi) -Br	$\alpha$	25 nm
	$\beta$	30 nm

(vii) -NR <sub>2</sub>	$\beta$	95 nm
------------------------	---------	-------

(d) ikatan dubel eksosiklik 5 nm

(e) komponen homodiena 39 nm

-----  
**JUMLAH**

$\lambda$   
 dikira